

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
SEMPENA
MAJLIS ANGKASA RAYA**

9 MEI 2024 (KHAMIS)

5.15 PETANG

THE SAUJANA RESORT, SHAH ALAM

SELANGOR

Bismillahhirrahmannirrahim...

Assalammualaikum warahmatullah
waborakatuh

Salam Malaysia Madani dan Salam
Koperasi

(SALUTASI)

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Watala dengan limpah rahmat dan kurniaNya, maka kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam MAJLIS

ANGKASA RAYA oleh Tuan Rumah
MyANGKASA Bina Sdn.Bhd.

2. Tahun ini adalah julung kali diadakan Majlis Jamuan Hari Raya oleh MyANGKASA Bina Sdn.Bhd. dengan jemputan yang begitu ramai dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi, Ahli

Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif
dan semua kakitangan MyANGKASA
Bina.

Hadirin Hadirat Sekalian

3. Untuk makluman Tuan Tuan dan Puan Puan yang saya hormati sekalian, bahawa gerakan koperasi telah wujud

di negara ini selama hampir 100 tahun dan ANGKASA akan menyabut ulang tahun penubuhannya ke 53 tahun beberapa hari lagi. Bagi memastikan gerakan ini terus utuh dalam mendepani cabaran semasa, ANGKASA akan terus komited memperkasakan gerakan koperasi dengan cara meneroka peluang

perniagaan baharu, teknologi terkini serta menjalankan kerjasama strategik dengan rakan dalam industri.

4. Di kesempatan ini saya ingin memberi serba sedikit pengenalan berkenaan dengan anak syarikat milik penuh ANGKASA, MyANGKASA Bina Sdn. Bhd. kepada Tuan Tuan dan Puan Puan

para hadirin sekalian Aktiviti perniagaan yang dijalankan di antaranya adalah Pembekalan dan Pemasangan Rumah MyANGKASA Villa, Perunding Projek, aktiviti-aktiviti Hartanah dan Pembangunan Projek-Projek Perumahan.

5. MyANGKASA Bina telah wujud hampir 10 tahun. Bermula daripada sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan perunding projek, MBSB telah berjaya berkembang sebagai syarikat pemaju perumahan pemegang lesen G7 dan pembekalan dan pemasangan perumahan MyANGKASA Villa.

6. Untuk makluman Tuan Tuan dan Puan Puan yang dirahmati ALLAH. Pasukan MyANGKASA Bina yang di Pengerusikan oleh YBhg Dato' Hj Che Mohd Shukree Che Isa dan Ketua Eksekutif YBhg. Dato Hj Sr. Dr. Kamarul Rashdan Hj Salleh bersama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah sangat komited untuk mencapai sasaran sejumlah

3,000 unit rumah MyANGKASA Villa bagi tahun 2024.

7. Program promosi dan taklimat kepada warga dan generasi kedua Felda telah diadakan bermula dari tahun lepas 2023. Taklimat telah disampaikan di Felda Sg. Mas, Pengerang, Johor, Felda Keratong 5, Rompin, Felda

Selancar 1 di Segamat, Felda Jengka dan dalam perancangan taklimat diFelda Kerteh, Felda Pemanis, Felda Jengka dan banyak lagi. MyANGKASA Bina akan bergerak ke seluruh negara pada tahun ini dengan tema “MyVilla Jelajah Felda”.

8. Pasukan MyAngkasa Villa juga telah bekerjasama dengan KEDA (Kemajuan Wilayah Kedah) dan telah mengadakan taklimat kepada pemilik-pemilik tanah program KEDA di Langkawi. InsyaAllah pada tahun ini dan akan datang, banyak lagi kerjasama yang akan dibuat dengan agensi-agensi kerajaan dan negeri

bagi menawarkan perumahan MyANGKASA Villa.

9. Kita sahut cabaran kerajaan MADANI YAB Perdana Menteri untuk menyediakan perumahan MyANGKASA Villa kepada semua rakyat Malaysia terutamanya kepada generasi-generasi kedua FELDA dalam

menyediakan rumah yang selesa, luas dan mampu milik.

10. Saya difahamkan terkini MyANGKASA Villa menawarkan sebanyak 44 buah model rumah berkonseptan moden dan ala Eropah, yang keluasannya bermula daripada 500 sehingga 2,000 kaki persegi. Model-model rumah ini

akan bertambah sehingga 100 rekabentuk sehingga tahun 2024. Ini berdasarkan kepada program Rakan Pemaju sebanyak 6 syarikat dan jumlahnya akan bertambah bagi mencapai sasaran tersebut.

11. Harga seunit bermula daripada RM50,000 sehingga RM 300,000. Rumah

MyANGKASA Villa adalah selesa, luas, mampu Milik, jaminan produk selama 5 tahun dan ketahanan bangunan sehingga 70 tahun. Pembinaan pula menggunakan sistem IBS yang cekap dan pantas dan pembinaan dijalankan sekitar tempoh 1 hingga 3 bulan.

12. Saya percaya bahawa MyANGKASA Bina akan mencapai sasarannya tahun ini dan difahamkan MyANGKASA Bina telah mencatat keuntungan sebelum cukai tahun 2023/24 sebanyak RM 3.8 juta. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada MyANGKASA Bina!!!

13.Saya juga difahamkan MyANGKASA Bina akan menandatangani satu perjanjian persefahaman atau MOU bersama FELDA melalui anak syarikat FELDA iaitu FIC (Felda Investment Corporation) pada tahun ini. Kerjasama ini akan dapat merealisasikan jumlah sasaran keseluruhan MyANGKASA Villa

sebanyak 12,000 unit. Perbincangan dengan beberapa bank tempatan juga menyakinkan dan saya menyokong penuh usaha kearah program pembiayaan dan kewangan bagi membiayai pemohon-pemohon rumah MyANGKASA Villa.

14. Justeru, pada petang yang berbahagia ini, marilah kita sama-sama menikmati majlis jamuan ANGKASA RAYA dan berdoa kehadrat ALLAH SWT agar MyANGKASA Bina dapat meneruskan usaha yang cemerlang demi kemajuan berterusan gerakan koperasi.

Sekian Terima Kasih.

Wabillahitaufiq

Wassallammualaikum

Waborakatuh.

Walhidayah

Warahmatullah